

Longkang monsun retak punca tanah runtuh di Puchong

Disember 21, 2023



Kerja pemasangan cerucuk besi dan baik pulih cerun giat dijalankan di lokasi kejadian tanah runtuh di Jalan Wawasan, Puchong, bagi mengawal pergerakan tanah. – Foto Bernama

Puchong :Laporan awal berhubung tanah runtuh di Jalan Wawasan di sini, mendapati keretakan longkang monsun menjadi punca insiden yang menjelaskan sembilan rumah, Sabtu lalu.

Exco Infrastruktur dan Pertanian Selangor, Izham Hashim, berkata keretakan longkang monsun yang terletak di atas tebing menyebabkan air mengalir ke bawah melalui retakan serta mengakibatkan tanah menjadi mendap dan runtahan cerun berlaku.

"Longkang monsun ini besar dan berada di atas tebing. Keretakan longkang monsun menyebabkan air mengalir ke bawah.

"Bagaimanapun, kita akan menyiasat perkara ini secara teliti melalui konsultan yang akan dilantik," katanya kepada pemberita selepas meninjau keadaan di kawasan tanah runtuh itu, hari ini.



Exco Infrastruktur dan Pertanian Negeri Selangor, Izham Hashim (tengah) bersama ADUN Kinrara, Ng Sze Han (kanan) melawat lokasi kejadian tanah runtuh di Jalan Wawasan, Puchong. - Foto Bernama

Beliau berkata, bagi membendung isu itu, kerja-kerja penyambungan saliran longkang monsun akan dibuat supaya air tidak bertakung di kawasan tanah runtuh.

Izham berkatam kerja-kerja pemasangan cerucuk fasa pertama dijangka selesai Ahad ini.

"Tujuan utama pemasangan cerucuk itu adalah bagi memastikan tanah di bahagian hadapan rumah yang terjejas lebih selamat dan kukuh, selain mengekang pergerakan tanah daripada berlaku," katanya.

Katanya, kerja-kerja baik pulih di kawasan tanah runtuh seperti pembinaan longkang monsun, tambakan tanah dan pengukuhan cerun dijangka siap dalam tempoh tiga minggu.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kinrara, Ng Size Han, berkata kerja-kerja pemasangan cerucuk di bahagian bawah akan dijalankan selepas pemasangan di bahagian atas selesai.

Beliau menyampaikan sumbangan RM1,000 kepada sembilan ketua isi rumah yang terjejas dalam insiden tanah runtuh.

Tinjauan BERNAMA mendapati beberapa agensi turut hadir bagi memantau keadaan di kawasan tanah runtuh antaranya Polis Diraja Malaysia, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Jabatan Kerja Raya serta Indah Water Konsortium Sdn Bhd. – Bernama